

24/12/1999

Penggabungan perlu dilaksana secara cermat

Kadir Dikoh; Wan Sabariah Shikh Ali

PROSES penyusunan semula korporat dan penggabungan tidak harus dilakukan secara tergesa-gesa semata-mata untuk menepati sasaran tarikh yang ditetapkan.

Perdana Menteri menegaskan, jika proses itu dibuat secara terburu-buru, syarikat korporat atau sektor yang ditetapkan itu mungkin bergabung, tetapi kesannya ialah syarikat itu berkemungkinan mengalami kegagalan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, proses penyusunan semula adalah sesuatu yang mesti ditangani secara cermat kerana ia membabitkan banyak proses pemeriksaan semula organisasi terbabit.

"Hanya selepas pemeriksaan semula dibuat dapat dilihat sama ada penggabungan boleh dilaksanakan. Ini mengambil masa.

"Jika terlalu tergesa-gesa, ia mungkin bergabung, tapi syarikat mungkin gagal," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan syiling emas peringatan alaf baru yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai perundingan penyusunan semula beberapa syarikat korporat yang berlangsung beberapa lama tetapi belum selesai.

Berhubung kemajuan program penggabungan sektor kewangan, Dr Mahathir berkata, setakat ini beliau berpuas hati dengan tahap yang dicapai.

"Mereka (institusi perbankan) sedang berunding sesama sendiri. Kita sedang menunggu mereka mengemukakan skim yang dipersetujui kepada Bank Negara," tambahnya.

Institusi perbankan diberi sehingga akhir Januari untuk mengemukakan cadangan penggabungan kepada bank pusat untuk dinilai sebelum kelulusan diberikan.

Mengenai sama ada kerajaan sedang merangka sebarang bentuk bantuan lanjut kepada sektor korporat bagi membolehkan mereka kembali kukuh dalam masa pemulihan ekonomi, Dr Mahathir berkata, sudah banyak yang dilaksanakan setakat ini.

Katanya, antara bantuan ketika negara mengalami kemelesetan ialah dengan menurunkan kadar faedah, memastikan kemudahan pembiayaan sentiasa ada dan mengadakan kempen pemilikan hartanah.

"Bagi industri pelancongan, kerajaan memperuntukkan RM150 juta untuk kegiatan galakan dan dengan mengadakan acara seperti perlumbaan Formula One," tambah beliau.

Beliau turut menolak kemungkinan menurunkan kadar faedah kerana paras yang terlalu rendah akan menyebabkan tahap simpanan menurun.

Dalam keadaan ekonomi semasa, kata Perdana Menteri, unjuran pertumbuhan pada tahun depan adalah lebih baik berbanding 1999.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2000 ialah 5 peratus, kira-kira 0.7 peratus lebih tinggi daripada pertumbuhan 4.3 peratus yang disasarkan untuk tahun ini.

"Angka ini nampaknya baik, walaupun unjuran kita selalunya lebih konservatif. Dengan paras eksport yang meningkat dan sektor lain, kita yakin boleh mencapai pertumbuhan lebih baik," kata beliau.

(END)